

Sebuah premis dikompaun rm20,000 jual topeng muka melebihi harga maksimum

February 15, 2020



Oleh SURAIDAH ROSLAN

TUARAN: Sebuah premis dikenakan kompaun RM20,000 atas kesalahan menjual topeng muka melebihi harga maksimum ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).


Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Tuaran, Siti Kamaliah Syamsuddin berkata, premis berkenaan didapati menjual topeng muka melebihi harga maksimum dan tindakan dikenakan ke atas premis berkenaan bagi memastikan peniaga kekal menjual topeng muka pada harga yang telah ditetapkan.

Beliau berkata, kompaun itu dikeluarkan semasa pemeriksaan dibuat terhadap premis-premis yang menjual topeng muka di sekitar daerah ini.

Katanya, pihaknya tidak mahu ada peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan berikutan penularan wabak koronavirus (Covid-19).

Mengulas lanjut, sejak 29 Januari hingga hari ini, sebanyak 75 premis yang menjual topeng muka secara runcit telah diperiksa.

"Daripada jumlah itu, KPDNHEP Tuaran telah mengambil tindakan ke atas sebuah premis di daerah ini dengan mengenakan kompaun RM20,000.



"Premis berkenaan melakukan kesalahan menjual melebihi harga maksimum topeng muka di bawah Seksyen 11, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011," katanya, dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Menurutnya, KPDNHEP akan mempergiatkan pemantauan di daerah Tuaran, Kota Belud dan Ranau dari semasa ke semasa.

Oleh itu, pengguna juga diminta agar peka serta memainkan peranan dengan membuat aduan kepada pihak KPDNHEP yang berdekatan sekiranya mendapati ada penjualan topeng muka melebihi harga kawalan yang ditetapkan.

